

38
SOALAN NO: 24

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. IZANI BIN HUSIN [PENGKALAN CHEPA]
TARIKH : 02 APRIL 2018
SOALAN : 24**

Dr. Izani Bin Husin [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pendirian Kementerian berkenaan cadangan industri tembakau untuk mengembalikan semula bungkusan rokok 'kiddie pack' bagi menangani penularan rokok haram.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), menerusi Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 telah pun mengharamkan sebarang penjualan pek rokok yang mengandungi kurang dari dua puluh (20) batang rokok atau dikenali sebagai '*Kiddie Pack*'. Larangan ini berkuatkuasa bermula pada tahun 2008.

39

Ia juga adalah selaras dengan komitmen kerajaan kepada Artikel 16(3) *World Health Organisation Framework Convention on Tobacco Control* (WHO FCTC) iaitu "***Sales to and by minor: Each party shall endeavour to prohibit the sales of cigarettes individually or in a small packets which increase the affordability of such products to minors***".

Malaysia merupakan antara negara-negara ASEAN terawal yang telah melarang penggunaan rokok *Kiddie Pack* selepas Brunei, Singapura dan Loa PDR. Laporan *Global Tobacco Report* setiap dua tahun bagi implementasi Artikel 16 (3) juga telah mencatatkan peningkatan negara-negara anggota dalam melarang penggunaan rokok *Kiddie Pack*. Laporan terkini pada tahun 2016 menunjukkan 71 negara telah melarang penggunaan rokok *Kiddie Pack* berbanding 68 negara pada tahun 2014.

Kajian yang telah diterbitkan di dalam *Journal Addiction 2013*, *BMJ 2013* dan *Paed Adolescent* tahun 2007 menunjukkan rokok *Kiddie Pack* menarik perhatian golongan remaja dan seterusnya meningkatkan penglibatan remaja kepada tabiat merokok. Kajian yang dijalankan oleh *Wood M and Levy J* *Malboro 10' In depth Interview* menunjukkan remaja akan tertarik dengan rokok *Kiddie Pack* kerana harga yang mampu dimilik.

Siri kajian *Global Youth Tobacco Survey* menunjukkan prevalen merokok di kalangan remaja di Malaysia telah menurun daripada 20.2% pada tahun 2003 kepada 18.2% pada tahun 2009 dan seterusnya kepada 14.8% pada tahun 2016. Ini bermaksud penguatkuasaan larangan penjualan rokok *Kiddie Pack* merupakan salah satu faktor utama kepada penurunan prevalen yang ketara di Malaysia.

Oleh yang demikian, KKM berpendirian untuk TIDAK BERSETUJU dengan pengenalan semula bungkusan rokok *Kiddie Pack* kerana ia adalah bertentangan dengan dasar perjanjian yang telah di tandatangani oleh Kerajaan Malaysia dan juga akan menyebabkan peratusan remaja dan kanak-kanak sekolah untuk merokok meningkat.

Untuk makluman YB Pengkalan Chepa, pengenalan semula rokok *Kiddie Pack* bagi mengawal rokok haram atau tidak sah perlu ditangani secara berasingan oleh agensi yang bertanggungjawab. Satu strategi yang lebih ketat terutama penguatkuasaan di pintu-pintu masuk perlu dilaksanakan. Selain peningkatan remaja akibat kebolehdapatan rokok, pengenalan semula rokok *Kiddie Pack* hanya akan menyebabkan perokok dewasa bertukar kepada rokok konvensional dan ini akan menyukarkan usaha pihak KKM untuk menurunkan peratusan merokok sepertimana komitmen Malaysia kepada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) di bawah WHO NCD *Global Target* iaitu penurunan sebanyak 30% perokok.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah menjalankan kajian terperinci dan telah membincangkan masalah penggunaan rokok tidak sah. Pada tahun 2012 di bawah WHO FCTC, satu protokol antarabangsa iaitu *Protocol To Eliminate Illicit Trade In Tobacco Products* bagi kawalan strategik terhadap rokok tidak sah telah dibangunkan. Kerajaan Malaysia perlu memperketatkan lagi kawalan rokok tidak sah selari dengan Artikel-Artikel yang telah disarankan di bawah protokol ini.

KKM memandang serius terhadap masalah amalan merokok di negara ini yang merupakan faktor risiko kepada pelbagai masalah kesihatan dan kematian pra-matang. Oleh yang sedemikian, KKM berpendirian bahawa masalah merokok perlu ditangani secara holistik dan kawalan yang sama kepada semua jenis rokok samada rokok konvensional mahupun rokok tidak sah perlu ditangani secara berasingan dan serentak.

SOALAN : 25

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK DR. HJ. ABDUL LATIFF BIN
AHMAD (MERSING)**

TARIKH : 2 APRIL 2018

RUJUKAN : 10627

SOALAN :

PR-1361-L04537

**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff Bin Ahmad [Mersing] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan statistik dan pencapaian banduan
yang diberikan peluang serta kemudahan melanjutkan pelajaran di
peringkat sekolah menengah hingga ke peringkat pengajian tinggi.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Penjara Malaysia menyediakan kemudahan dan akses kepada pembelajaran akademik di kalangan pesalah muda sebagai salah satu daripada pengisian program pemulihan di penjara dan Sekolah Henry Gurney.

Berdasarkan rekod Jabatan Penjara Malaysia sehingga 31 Januari 2018, seramai 703 orang pesalah muda sedang mengikuti program akademik mengikut pecahan seperti berikut:

- a) 422 orang : 9 buah sekolah integriti dalam penjara; dan**
- b) 281 orang : 4 buah Sekolah Henry Gurney.**

Selain itu, seramai 33 banduan sedang mengikuti pengajian di peringkat pendidikan tinggi iaitu:

- a) 2 orang : Doktor Falsafah;**
- b) 3 orang : Ijazah Sarjana;**
- c) 12 orang : Ijazah Sarjana Muda; dan**
- d) 16 orang : Diploma.**

Seramai 157 orang telah menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun 2016 dan 98% daripadanya telah lulus manakala pada tahun 2017, seramai 162 orang pesalah muda telah menduduki peperiksaan yang sama.

Selain daripada menyediakan peluang pendidikan, Jabatan Penjara Malaysia turut menyediakan program-program berbentuk kemahiran kepada banduan seperti kelas vokasional sebagai persediaan mereka ke dunia pekerjaan setelah mereka dibebaskan kelak.

45

SOALAN (26)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 2 APRIL 2018
[ISNIN]

DARIPADA : YB DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN
MOHAMAD
[LIPIS]

SOALAN :

YB DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD [LIPIS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan membincangkan semula beberapa konsesi berat sebelah yang ditandatangani oleh pentadbiran terdahulu untuk memastikan tidak ada syarikat swasta atau kroni menikmati pendapatan berlipat-ganda sehingga menjejaskan taraf hidup rakyat.

JAWAPAN :-

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa menghormati perjanjian yang telah ditandatangani oleh Kerajaan termasuk perjanjian-perjanjian konsesi antara Kerajaan dan syarikat konsesi yang ditandatangani oleh pentadbiran Kerajaan yang terdahulu. Bagi terma-terma perjanjian konsesi yang dilihat berat sebelah pula, Kerajaan dari masa ke semasa akan sentiasa membincangkannya dengan pihak syarikat konsesi. Dalam hubungan ini, memandangkan apa-apa pindaan kepada terma-terma sedia ada perlu dipersetujui secara bersama antara Kerajaan dan syarikat konsesi, rundingan dengan syarikat konsesi akan sentiasa dilakukan bagi memastikan terma perjanjian konsesi adalah lebih adil kepada kedua belah pihak.

Rundingan terma perjanjian konsesi juga akan mengambil kira jumlah pelaburan, pinjaman jangka panjang, bayaran balik hutang dan pulangan pelaburan yang bersesuaian serta tidak terlalu tinggi kepada syarikat konsesi. Dan, yang paling utama adalah memastikan kepentingan pengguna dan rakyat tidak terjejas.

Sekian, terima kasih
April 2018

SOALAN : 27

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DR. HAJAH SITI MARIAH BT. MAHMUD
(KOTA RAJA)**

TARIKH : 2 APRIL 2018

RUJUKAN : 10724

SOALAN :

**Dr. Hajah Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan pendirian Malaysia tentang gesaan
Human Rights Watch (HRW) supaya tidak mengusir 11 etnik Uighur
Islam pulang ke China tetapi di sebaliknya untuk memastikan
mereka mendapat keadilan yang sewajarnya.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara berdaulat perlu diakui dan dihormati oleh semua pihak. Sebarang keputusan Kerajaan berhubung perkara ini dibuat mengikut peraturan yang termaktub di dalam undang-undang Malaysia.

11 orang etnik Uighur melarikan diri dari Pusat Tahanan Imigresen Sadao, Thailand telah berjaya ditangkap pada 5 Januari 2018 oleh pihak keselamatan Malaysia di bawah Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 kerana tidak mempunyai pas atau permit yang sah untuk tinggal di Malaysia.

Kes perbicaraan telah bermula pada 13 Februari 2018 di Mahkamah Sesyen Jalan Duta, Kuala Lumpur. Sebutan semula kes adalah pada 15 Mac 2018 di mahkamah sama kerana pihak peguambela mahu menyediakan jurubahasa kepada tertuduh.

100

SOALAN (28)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 2 APRIL 2018
[ISNIN]
DARIPADA : YB TUAN HEE LOY SIAN
[PETALING JAYA SELATAN]

SOALAN :-

YB TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA SELATAN] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan status pembinaan balai bomba di Jalan Penchala, Seksyen 51, Petaling Jaya dan mengapa ia mengambil masa yang lama untuk disiapkan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, status kemajuan pembinaan bagi projek tersebut adalah 90% berbanding jadual asal 100%. Kelewatan menyiapkan projek ini adalah disebabkan oleh aspek teknikal yang melibatkan perubahan spesifikasi di TNB *sub station*, perubahan rekabentuk bilik genset dan kerja tambahan pembinaan tembok pagar. Pembinaan balai bomba dan pejabat zon ini dijangka siap sepenuhnya pada Mei 2018.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2018